

17 OCT 1996

POLITIK WANG, PRM SAMBUT BAIK KENYATAAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Parti Rakyat Malaysia (PRM) hari ini menyambut baik kenyataan Perdana Menteri berhubung tindakan mencegah rasuah dan politik wang dalam pilihan raya.

Presidennya Dr Syed Husin Ali dalam kenyataannya di sini, hari ini berkata, PRM berharap perkara itu akan dilaksanakan pada semua pilihan raya akan datang secara adil dan saksama tanpa mengira parti atau memilih bulu.

Menurut beliau, satu badan khas yang bebas serta berwibawa hendaklah ditubuhkan segera untuk mengawasi perjalanan pilihan raya agar rasuah dan politik wang dapat dicegah.

"Badan khas itu boleh dibentuk sekarang dan diberi tugas untuk mengkaji dan memperakukan cara-cara atau langkah yang boleh diambil untuk menghindar gejala ini daripada berulang," katanya.

Dr Syed Husin berkata, berdasarkan pengalaman beberapa pilihan raya lalu, rasuah dan politik wang berlaku dalam pelbagai bentuk antaranya memberi wang tunai atau barang berharga kepada pengundi, memberi atau menjanjikan rumah murah, tanah dan lesen niaga serta menafikan masa dan ruang dalam media cetak dan elektronik untuk parti serta calon pembangkang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata bahawa kerajaan akan memperluaskan langkah membanteras politik wang dan rasuah semasa kempen parti politik termasuk pembangkang pada setiap kali pilihan raya umum. --
BERNAMA

RV PR